

# → ALAM SEKITAR

[FOTO ADI SAFRI/BH]

**BH PLUS**

di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)  
untuk lebih gambar dan video

**Burung migrasi jenis Camar** serta Kedidi Pasir (gambar kanan) terdapat di sekitar Parit Jawa dan Pantai Seri Menanti.



**Ahmad menunjukkan lokasi** tumpuan burung migrasi di sekitar Parit Jawa dan Pantai Seri Menanti, Muar.

## Parit Jawa jadi destinasi ribuan unggas

→ Burung penghijrah singgah makan sebelum teruskan perjalanan

Oleh **Badrul Kamal Zakaria**  
[badrulkamal@bh.com.my](mailto:badrulkamal@bh.com.my)

► Muar

Jika ke Parit Jawa, di sini, biasanya apa yang terlintas di fikiran sudah pastinya hidangan asam pedas yang lazat, selain panorama keindahan alam sekitar yang mempesonakan.

Bagaimanapun, bagi peminat burung khususnya pengkaji burung yang lebih dikenali sebagai ornithologist, mereka melihat Parit Jawa sebagai destinasi yang perlu dikunjungi, terutama pada Oktober hingga Mac.

Dalam tempoh itu, ratusan hingga ribuan unggas, terutama spesies burung menjadikan lokasi itu 'transit' ketika dalam perjalanan ke hemisfera selatan pada Oktober hingga November dan sekali lagi singgah ke sini ketika kembali ke hemisfera utara pada Februari hingga Mac.

### Berasal dari pelbagai lokasi

Pensyarah Jabatan Biologi Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Ahmad Ismail, berkata burung migrasi ini kebanyakannya berasal dari kawasan di Siberia, Russia dan utara China.

Selain itu, katanya, ada beberapa spesies burung ini berasal dari kawasan yang lebih jauh ke utara dan

kebanyakannya berhijrah berikutan perubahan iklim sejuk yang mula melanda hemisfera utara.

"Kebiasaannya, burung migrasi ini akan mula berhijrah ke kawasan yang lebih panas pada sekitar Oktober hingga November secara berkumpulan. Begitu juga pada Februari hingga Mac, ia akan kembali ke kawasan asal sebaik musim di hemisfera selatan kembali sejuk.

"Beberapa kawasan di negara ini seperti Parit Jawa di Johor, Kuala Selangor di Selangor dan Kuala Gula di Perak menjadi antara lokasi burung migrasi ini singgah ketika dalam perjalanan ke kawasan hemisfera selatan seperti Australia dan New Zealand," katanya kepada BH ketika membuat pemerhatian terhadap burung migrasi di sekitar kawasan Pantai Leka di Parit Jawa.

Selain Parit Jawa, beliau bersama BH turut menelusuri kawasan sepanjang pantai Muar untuk meninjau kedatangan spesies burung migrasi seperti kedidi pasir, bangau dan pucung.

Malaysia terletak dalam laluan *East Asian-Australian Flyway* atau 'lebu raya udara' yang bermula dari Siberia di Russia yang akan merentasi China, Mongolia, Hong Kong, Jepun, Semenanjung Korea, Vietnam, Kemboja, Thailand, sebelum singgah ke negara ini ketika

**Antara burung migrasi jenis Grey Heron** yang dirakam di sekitar Parit Jawa dan Pantai Seri Menanti, Muar.



hemisfera utara mula memasuki musim sejuk.

Dari Malaysia, kumpulan burung terbabit akan meneruskan perjalanan ke arah lebih selatan iaitu menerusi Singapura, Indonesia, Papua New Guinea, Australia dan New Zealand.

### Lalui lokasi sama

Unggas ini sekali lagi akan melalui laluan sama apabila musim sejuk berakhir di hemisfera utara untuk kembali ke Siberia, Russia dan tingkah laku ini akan berterusan hampir setiap tahun.

Ahmad yang juga pakar ekologi burung berkata, selain tabiat asal burung migrasi yang sememangnya mencari lokasi yang lebih panas, persinggahan mereka ke Malaysia juga disebabkan keadaan muka bumi terutama di sebelah Pantai Barat Semenanjung yang sesuai dengan habitat semula jadi.

"Kawasan pantai yang landai serta berlumpur ini menjadi pilihan kepada burung hijrah ini kerana ia kaya dengan sumber makanan seperti ketam, ikan, udang dan pelbagai jenis siput.

"Burung migrasi ini biasanya akan datang secara berkumpulan. Walaupun menjadikan kawasan ini sebagai tempat persinggahan, burung ini mempunyai tabiat, cara makan, jenis kaki, paruh yang berbeza menjadikan ia tidak bersaing

dalam mendapatkan makanan di sini," katanya.

Beliau berkata, peminat burung juga sering menjadikan keadaan air surut besar sebagai waktu yang tepat untuk melihat unggas terbabit kerana pada waktu ini, burung terbabit akan keluar mencari makanan dengan kumpulan yang agak besar.

"Ini kerana pada waktu air surut, burung ini akan cuba mendapatkan makanan mereka. Ada burung yang kakinya panjang boleh berjalan dalam air dan ada yang tidak bagi yang berkaki pendek. Ada yang mempunyai paruh yang boleh mencari makanan dalam lubang dan sebaliknya.

"Keadaan ini menjadikan kawasan air surut sebagai lokasi utama burung migrasi ini mencari makanan dan apabila air pasang, burung terbabit akan kembali ke sarang masing-masing, kecuali burung yang mampu mendapatkan makanan di dalam air," katanya.

Ditanya mengenai lokasi di Parit Jawa, beliau berkata, keadaan persekitaran di kawasan ini yang masih terpelihara menyebabkannya sentiasa menjadi pilihan kepada burung berhijrah ini.

"Saya lihat bilangan burung seperti burung botak di kawasan ini juga semakin bertambah walaupun sebelum ini populasinya dilaporkan semakin merosot. Ini

mungkin kerana habitat asal mereka seperti paya bakau masih dalam keadaan baik.

### Sumber makanan cukup

"Keadaan ini seterusnya menyebabkan sumber makanan burung ini sentiasa ada. Cuma saya lihat mungkin ada sedikit kacau ganggu seperti hakisan dan kehadiran kera serta monyet yang mungkin boleh menjadi gangguan, terutama terhadap telur atau sarang burung terbabit," katanya.

Bagaimanapun, Ahmad yakin Parit Jawa akan kekal sebagai lokasi persinggahan burung migrasi pada masa akan datang jika ia terus diberi perhatian pihak berkepentingan dengan kerjasama peminat burung dan komuniti setempat.

"Kawasan ini bukanlah setakat persinggahan burung. Ia sebenarnya boleh dikembangkan sebagai destinasi pelancongan dan kehadiran burung migrasi ini boleh dijadikan nilai tambah dalam sektor berkenaan.

"Jika kawasan ini sentiasa terpelihara, ia sebenarnya dapat menarik kedatangan pelancong khususnya peminat burung. Malah, ada peminat dan pengkaji burung ini akan datang ke sesuatu kawasan semata-mata untuk melihat burung khususnya membabitkan spesies terancam," katanya.